

## Kesan Kelayakan Ikhtisas dan Tahun Pengalaman terhadap Pengetahuan Kurikulum Prasekolah dalam Kalangan Guru Tadika Swasta (The Effects of Professional Qualifications and Years of Experience on Preschool Curriculum Knowledge among Private Kindergarten Teachers)

MUHAMMAD HAZIQ MOHD SHARIF\* & ABDUL HALIM MASNAN

### ABSTRAK

*Pengetahuan kurikulum khususnya Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) (Semakan 2017) yang selaras bagi semua tadika di Malaysia bergantung kepada guru-guru yang profesional untuk melaksanakannya dengan berkesan. Kajian tinjauan ini bertujuan menentukan kesan antara kelayakan ikhtisas dan tahun pengalaman terhadap pengetahuan kurikulum prasekolah dalam kalangan guru tadika swasta. Soal selidik sebagai instrumen telah ditadbir kepada 269 guru tadika swasta dari daerah Gombak, Selangor yang dipilih secara rawak mudah. Analisis ANOVA dua-hala menunjukkan kelayakan ikhtisas memberi kesan utama yang signifikan sementara tahun pengalaman memerlukan kombinasi bersama kelayakan ikhtisas untuk memberi kesan interaksi signifikan terhadap pengetahuan kurikulum prasekolah, namun secara songsang. Perbandingan Post Hoc menunjukkan skor min pengetahuan kurikulum prasekolah berbeza secara signifikan antara kumpulan guru-guru Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK) / Pendidikan Prasekolah dan ke atas dengan kumpulan guru-guru Sijil PAKK / Perguruan Prasekolah. Plot profil pula menunjukkan kesan interaksi yang paling tinggi bagi guru-guru Diploma PAKK / Pendidikan Prasekolah dan ke atas berlaku semasa pengalaman mereka Kurang dari 3 tahun, kemudian kesan interaksi pada tahun berikut menurun. Kesimpulannya, kelayakan ikhtisas guru tadika swasta yang lebih tinggi memberi kesan signifikan terhadap pengetahuan mereka mengenai KSPK (Semakan 2017), manakala tahun pengalaman ialah nilai tambah semasa tahun awal pengajaran bagi guru-guru yang berkecualan ikhtisas lebih tinggi. Implikasinya, tindakan susulan dalam usaha membantu guru-guru tadika swasta khususnya yang berpengalaman sahaja adalah diperlukan untuk mereka mendapatkan kelayakan ikhtisas sehingga Diploma PAKK.*

*Kata Kunci: Kelayakan ikhtisas; Tahun pengalaman; Pengetahuan kurikulum prasekolah; Guru tadika swasta*

### ABSTRACT

*Knowledge in the curriculum especially the National Preschool Standard Curriculum (NPSC) (Revised 2017) which is coordinated for all kindergartens in Malaysia depends on professional teachers to implement it effectively. This survey aims to determine the effect between professional qualifications and years of experience on preschool curriculum knowledge among private kindergarten teachers. Questionnaires as instrument was administered to 269 private kindergarten teachers from Gombak district, Selangor who were selected randomly. The two-way ANOVA analysis showed that professional qualifications had a significant effect while years of experience required a combination of professional qualifications to have a significant interaction effect on preschool curriculum knowledge, yet inversely. Post Hoc comparison shows that the mean score of preschool curriculum knowledge differs significantly between the group of teachers of Diploma in Early Childhood Education (ECE) / Preschool Education and above with the group of ECE Certificate / Preschool Teaching teachers. The profile plot shows the highest interaction effect for ECE Diploma/Preschool Education teachers and above occurs during their experience of Less than 3 years, then the interaction effect in the following year decreases. In conclusion, higher professional qualifications for private kindergarten teachers have a significant impact on their knowledge of NPSC (Revised 2017), while years of experience is an added value during the early years of teaching for higher qualified teachers. The implication is that follow-up action in an effort to help private kindergarten teachers, especially experienced ones, is needed for them to obtain professional qualifications until the ECE Diploma.*

*Key Words: Professional qualifications; Years of experience; Preschool curriculum knowledge; Private kindergarten teachers*

## PENGENALAN

Kurikulum prasekolah di Malaysia telah diselaraskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui peruntukan Seksyen 22, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Di bawah seksyen tersebut, semua tadika dalam Sistem Pendidikan Malaysia termasuk institusi pendidikan swasta yang menjalankan program pendidikan prasekolah dikehendaki menggunakan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (KPK). Bermula 1 Januari 2003, KPM telah menetapkan penggunaan KPK kepada semua tadika kerajaan, bantuan kerajaan, bukan kerajaan dan swasta melalui pemakluman Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 15/2002. Walau bagaimanapun, di bawah Subseksyen 22(3), tadika swasta diberi pilihan menggunakan kurikulum tambahan dengan kelulusan daripada Ketua Pendaftar, KPM.

KPK telah ditransformasi bermula dengan pengenalan konsep Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), kemudian disemak semula bagi memastikan kualiti kurikulum yang dilaksanakan setanding mengikut standard antarabangsa, iaitu kini dikenali sebagai KSPK (Semakan 2017) (KPM 2017). Transformasi ini menghasilkan kurikulum berasaskan standard yang merangkumi aspek kandungan, pembelajaran dan prestasi. Menurut Aliza dan Zamri (2015), kurikulum berasaskan standard dalam KSPK memerlukan guru-guru yang sangat profesional berikutan mereka perlu melaksanakan pengajaran yang dapat memenuhi standard dan keperluan kanak-kanak. Hal ini kerana pernyataan standard dalam KSPK (Semakan 2017) bergantung kepada 'akuntabiliti guru' bagi membolehkan semua kanak-kanak melepasi standard yang telah digariskan dalam setiap tunjang (KPM 2017).

Pelaksanaan KSPK diakui oleh Yong, Khadijah dan Anuar (2015) bahawa ianya bergantung kepada guru-guru yang berpengetahuan, berkemahiran dan berpengalaman dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) untuk memupuk kemahiran 4M (Membaca, Menulis, Mengira, Menaakul) kepada kanak-kanak. Jain et al. (2015) mengatakan pengetahuan guru mengenai kurikulum menentukan keberkesanan dalam pembelajaran kanak-kanak. Sekiranya guru-guru lemah dalam mengetahui dan memahami KSPK, mereka akan menghadapi kesukaran dalam melaksanakan PdP yang berkualiti (Jadira 2016). Dalam hal ini, guru-guru perlu menjalani latihan yang bersesuaian bagi membolehkan mereka memindahkan kandungan KSPK kepada kanak-kanak (Yong et al. 2015).

Namun demikian, sebuah analisis wacana kritikal oleh Ting (2018) melaporkan guru-guru tadika khususnya daripada sektor swasta kurang memahami KSPK. Beliau juga mendapati kebanyakan guru sektor swasta tidak menggunakan sepenuhnya KSPK dalam

pengajaran harian mereka kerana sebahagian sektor ini kurang memahami KSPK setelah diperkenalkan. Tinjauan Foong et al. (2018) pula mengesahkan sebahagian besar daripada 3,087 keseluruhan guru pusat asuhan dan tadika sektor swasta seluruh negara masih muda, kurang berpengalaman dan tidak memiliki kelayakan ikhtisas Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK). Hal ini menunjukkan bahawa guru-guru tadika swasta masih belum memenuhi kriteria guru profesional seperti tiada kelayakan ikhtisas, kurang berpengalaman dan tidak terlatih. Pelaporan ini menimbulkan persoalan utama berhubung status kelayakan ikhtisas dan tahun pengalaman guru-guru tadika swasta, adakah dapat memberi kesan kepada pengetahuan mereka mengenai KSPK (Semakan 2017).

Tambahan pula, kajian Tee dan Mariani (2018) mencatatkan terdapat perbezaan falsafah tiga orang guru daripada tiga buah tadika swasta di sekitar Lembah Klang berdasarkan kelayakan guru-guru tersebut. Guru berkelayakan Sijil Pelajaran Malaysia bersifat akademik, guru Diploma PAKK berpegang kepada pembelajaran kreatif secara bermain dan guru Ijazah PAKK pula lebih kepada pendekatan bertema. Perbezaan ini mewujudkan persoalan berhubung pengetahuan guru-guru tersebut mengenai KSPK. Dengan itu, adalah menjadi keperluan kajian ini mendapatkan data daripada kalangan guru-guru tadika swasta di Lembah Klang.

Oleh itu, kajian tinjauan ini bertujuan menentukan kesan antara kelayakan ikhtisas dan tahun pengalaman terhadap pengetahuan kurikulum prasekolah dalam kalangan guru-guru tadika daripada sektor swasta di daerah Gombak, Selangor. Beberapa persoalan kajian telah dibentuk seperti berikut:

1. Adakah terdapat kesan utama kelayakan ikhtisas terhadap pengetahuan kurikulum prasekolah guru tadika swasta?
2. Adakah terdapat kesan utama tahun pengalaman terhadap pengetahuan kurikulum prasekolah guru tadika swasta?
3. Adakah terdapat kesan interaksi kelayakan ikhtisas dan tahun pengalaman terhadap pengetahuan kurikulum prasekolah guru tadika swasta?

Hipotesis-hipotesis yang diuji dalam kajian ini adalah:

- H<sub>A1</sub> Kelayakan ikhtisas memberi kesan utama yang signifikan terhadap pengetahuan kurikulum prasekolah dalam kalangan guru tadika swasta
- H<sub>A2</sub> Tahun pengalaman memberi kesan utama yang signifikan terhadap pengetahuan kurikulum prasekolah dalam kalangan guru tadika swasta

H<sub>A3</sub> Kelayakan ikhtisas dan tahun pengalaman memberi kesan interaksi yang signifikan terhadap pengetahuan kurikulum prasekolah dalam kalangan guru tadika swasta

#### KELAYAKAN IKHTISAS PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

Dalam bidang PAKK, kelayakan ikhtisas sangat penting sebagai persediaan guru merancang dan melaksanakan PdP mengikut standard kurikulum dan keperluan kanak-kanak. Menurut *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) (2012), kelayakan ikhtisas PAKK ialah pengiktirafan tahap dan jenis pengetahuan, kemahiran dan kompetensi yang diperoleh kakitangan seperti profesional, pengamal, guru dan pengasuh mengenai asuhan dan didikan awal. Copple dan Bredekamp (2009) memperakui bahawa guru-guru yang telah mempelajari bagaimana kanak-kanak belajar dan berkembang serta kaedah berkesan untuk mengajar kanak-kanak adalah lebih cenderung mempunyai pengetahuan Amalan Bersesuaian Perkembangan (ABP). Prinsip ABP yang telah digariskan dalam KSPK merupakan matlamat utama persediaan kanak-kanak ke peringkat sekolah rendah (Jain et al. 2017).

Kesan kelayakan ikhtisas dapat dilihat dengan jelas dalam kajian Abdul Halim dan Aznanche (2015), iaitu guru-guru prasekolah novis berkelayakan ikhtisas Ijazah Sarjana Muda Perguruan daripada Institut Pendidikan Guru menunjukkan kemahiran pengajaran yang berkesan dari segi pengurusan masa, pemilihan aktiviti dan perancangan mengikut standard KSPK meskipun pengalaman mereka kurang dari 2 tahun. Kajian Subadrah dan Sopia (2017) juga mengesahkan guru-guru prasekolah kerajaan dan swasta yang memiliki kelayakan ikhtisas PAKK yang lebih tinggi mempunyai pemahaman mengenai latihan PAKK, persepsi kualiti latihan PAKK, pemahaman kurikulum PAKK dan pemahaman tentang proses PdP yang lebih baik daripada guru-guru prasekolah berkelayakan PAKK lebih rendah.

Sebaliknya, kajian kes Mligo (2016) mendapati guru-guru di Tanzania menghadapi kesukaran dalam melaksanakan kurikulum prasekolah disebabkan tiada kelayakan ikhtisas bekerja bersama kanak-kanak, kurang terlibat dalam pembangunan profesional dan mempunyai sedikit pengetahuan mengenai kurikulum tersebut dan amalan pedagogi berpusatkan kanak-kanak. Hal ini menunjukkan bahawa perkhidmatan guru terlatih dan berkelayakan ikhtisas berkaitan perkembangan awal kanak-kanak merupakan faktor utama kejayaan program pendidikan awal (Yahya et al. 2015) kerana semakin tinggi kelayakan ikhtisas, semakin baik kompetensi pengetahuan dan kemahiran mereka (Subadrah & Sopia 2017).

Oleh itu, sebagai usaha melahirkan guru tadika dan prasekolah yang berkelayakan, prihatin dan cekap dalam pedagogi kanak-kanak, KPM telah mengumumkan sebuah polisi baharu dengan menetapkan Diploma dalam Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak sebagai kelayakan minimum melalui kabinet pada 1 April 2016 dan berkuat kuasa pada tahun 2020 (KPM 2018a, 2018b). Polisi kelayakan minimum ini juga sebagai inisiatif meningkatkan profesionalisme guru-guru pusat asuhan dan tadika terutama daripada sektor swasta (Abdul Halim, Mazlina, & Hasrul 2017). Walau bagaimanapun, guru-guru tadika daripada sektor swasta dilaporkan masih belum memiliki kelayakan Diploma PAKK berikutan keperluan minimum pendaftaran semasa guru-guru sektor ini hanya lulus Sijil Pelajaran Malaysia (Foong et al. 2018). Dengan itu, Diploma PAKK/Pendidikan Prasekolah dianggap merupakan kelayakan ikhtisas yang paling tinggi bagi sektor swasta.

#### TAHUN PENGALAMAN GURU TADIKA

Menurut Lunenberg dan Korthagen (2009), pengalaman ialah sesuatu yang diperoleh individu secara praktikal dalam dunia sebenar dan merangkumi persekitaran luaran dan dalaman individu tersebut. Melalui pengalaman, pengetahuan, kemahiran dan produktiviti kerja dijangka akan meningkat (Rice 2010). Bagi guru, apabila mereka melangkah memasuki kelas, mereka akan menggunakan secara seiring pengalaman personal dan pengetahuan yang telah diperoleh mengenai PAKK (Arce 2013). Sekiranya mereka memperoleh lebih banyak pengalaman mengajar, mereka akan lebih bersedia meneroka idea dan sumber baru (Gordon & Browne 2013).

Kesan pengalaman dapat dilihat sebagaimana dalam kajian Tours (2017), di mana guru-guru tadika di Florida yang memiliki pengalaman mengajar melebihi 18 tahun lebih cenderung mempraktikkan ABP seiring standard dalam kurikulum meskipun kepercayaan ABP mereka mempunyai persamaan dengan guru-guru tadika yang berpengalaman mengajar 0-5 dan 6-17 tahun. Kajian dalam negara oleh Sofiah dan Kamarul (2016) juga mendapati guru tadika swasta memperoleh pengetahuan berkaitan perkembangan kanak-kanak prasekolah melalui pengajian Diploma dalam PAKK, pengalaman selama 7 tahun dan minat yang mendalam terhadap kanak-kanak. Guru tersebut juga mempraktikkan pengetahuan yang telah dimiliki dengan sebaiknya semasa melaksanakan PdP di dalam kelas bersama kanak-kanak.

Namun demikian, Rice (2010) mendakwa bahawa sungguhpun pengalaman adalah penting, tahun pengalaman yang makin bertambah tidak semestinya akan menjadi lebih baik. Hal ini dapat dikenal pasti

dalam kajian Connor et al. (2005), di mana meskipun guru-guru berpengalaman di Amerika lebih mesra dan responsif bersama kanak-kanak di dalam kelas, kanak-kanak tersebut didapati mempunyai kemahiran bacaan awal yang lemah. Tidak kurang juga kajian Mohamed dan Al-Qaryouti (2016) di Oman, guru-guru prasekolah yang berpengalaman lebih dari 10 tahun yang hanya berkelulusan sekolah tinggi menunjukkan kepercayaan ABP yang kuat dan menyokong kurikulum berpusatkan kanak-kanak, bersepadu dan sosiobudaya, namun amalan guru-guru tersebut lebih rendah daripada kepercayaan mereka mengenai ABP.

Lanjutan daripada perbincangan di atas, boleh diperkatakan bahawa pengalaman sahaja tanpa sokongan daripada kelayakan ikhtisas tidak mencukupi untuk membentuk kompetensi guru secara menyeluruh. Hal ini menimbulkan kekeliruan sama ada pengalaman yang telah lama diperoleh guru-guru tadika daripada sektor swasta benar-benar membantu mereka memahami KSPK (Semakan 2017) untuk merancang dan melaksanakan PdP bersama kanak-kanak. Justeru, mengikut konteks kajian ini, pengalaman guru tadika swasta merupakan tempoh mengajar atau tahun pengalaman mereka.


#### KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual kajian ini (seperti dalam Rajah 1) memperlihatkan hubung-kait antara kelayakan ikhtisas dan tahun pengalaman terhadap pengetahuan kurikulum prasekolah. Andaian awal yang dibuat adalah berpandukan kajian Sofiah dan Kamarul (2016). Melalui hasil kajian mereka, wujud kemungkinan bahawa tahun pengalaman merupakan sokongan kelayakan ikhtisas dalam membantu guru

tadika swasta untuk lebih memahami perkembangan kanak-kanak dan melaksanakan PdP bersesuaian dengan prinsip KSPK. Dengan itu, kelayakan ikhtisas dan tahun pengalaman bukan sahaja dijangka memberi kesan utama, malah kesan interaksi yang signifikan terhadap pengetahuan kurikulum prasekolah.

Kajian ini hanya memfokuskan pengetahuan kurikulum prasekolah kerana sebahagian tadika sektor swasta dilaporkan kurang memahami KSPK (Ting 2018). Pengetahuan kurikulum prasekolah amat penting bagi guru-guru tadika dalam melaksanakan PdP yang dapat memenuhi standard dan keperluan kanak-kanak. Menurut Shulman (1987), pengetahuan kurikulum merupakan sokongan guru untuk mewujudkan PdP yang berkesan kerana melibatkan pemahaman mengenai bahan dan program dalam kurikulum. Beliau juga mengkategorikan pengetahuan kurikulum sebagai salah satu daripada tujuh pengetahuan asas yang perlu dikuasai oleh guru bagi mengukuhkan kefahaman murid.

Oleh itu, sekiranya guru menguasai pengetahuan kurikulum prasekolah, mereka berpotensi menyediakan pengalaman pembelajaran yang berkesan, bersesuaian dan bermakna kepada kanak-kanak. Hal ini diperakui berdasarkan kajian Jadira (2016) iaitu pengetahuan guru-guru prasekolah mengenai panduan mengajar, objektif dan isi kandungan dalam KSPK membantu mereka melaksanakan PdP yang kreatif dan berkualiti. Sebaliknya, dalam kajian Jain et al. (2015), pengetahuan guru prasekolah yang lemah mengenai KSPK menyukarkan mereka melaksanakan kurikulum tersebut. Justeru, pengkaji menganggap pengetahuan kurikulum prasekolah sebagai kompetensi teras yang akan memandu guru melaksanakan PdP mengikut standard dan keperluan kanak-kanak.



RAJAH 1. Kerangka konseptual kajian.

#### METODOLOGI

##### REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian tinjauan. Menurut Creswell (2014), kajian tinjauan ialah penjelasan secara kuantitatif atau numerikal mengenai trend, sikap atau persepsi sampel daripada suatu populasi.

Persembahan dan pelaporan kajian tinjauan juga lazimnya dalam bentuk analisis statistik deskriptif atau inferensi dengan menggunakan soal selidik (Ghazali & Sufean 2016).

Reka bentuk dan pelaksanaan kajian ini telah diluluskan oleh Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara (NCDRC), Universiti Pendidikan

Sultan Idris (UPSI) melalui Subprojek P1/CUR: *Evaluation of Existing Early Childhood Care and Education Programs to Improve Quality that Inform Policy* (2015-0024-106-04-1). Pelaksanaan kajian ini juga disokong oleh Ketua Penyelidik P1/CUR dan telah disahkan oleh beberapa orang pakar yang terdiri daripada Penyelidik P1/CUR. Subprojek P1/CUR adalah sebahagian daripada Projek Penyelidikan NCDRC dengan kerjasama SEGi University berkaitan *Development of a Comprehensive and Integrated Model of Quality Malaysian Early Childhood Care and Education* (2015-0024-106-04). Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) ini menerima dana daripada Kementerian Kewangan Malaysia melalui KPM.

#### POPULASI DAN PERSAMPELAN

Populasi yang ditinjau merupakan guru-guru daripada tadika swasta di Lembah Klang yang berdaftar di bawah Bahagian Pendidikan Swasta, KPM dan menggunakan KSPK secara dasar. Walau bagaimanapun, kawasan Lembah Klang yang tiada persempadanan rasmi dan maklumat yang diperolehi daripada Bahagian Pendidikan Swasta, KPM (2018) menunjukkan bahawa bilangan keseluruhan populasi guru-guru tadika swasta di negeri Selangor adalah sangat besar, iaitu membawa kepada keterbatasan kajian. Lanjutan itu, satu daerah di Lembah Klang sahaja dipilih melalui prosedur rawak berstrata kerana bilangan populasi guru-guru tadika swasta mengikut daerah adalah agak ketara dan tidak seragam (*heterogeneous*). Fuad (2017) menjelaskan teknik ini membolehkan pemilihan populasi mewakili lapisan-lapisan yang wujud dalam keseluruhan populasi yang tidak stabil. Justeru, secara rawak, daerah Gombak telah terpilih dan dijadikan populasi capaian.

Pemilihan sampel untuk dijadikan responden dalam kajian ini pula menggunakan teknik persampelan rawak mudah. Teknik ini digunakan bagi memastikan setiap individu memiliki peluang yang sama dan bebas untuk dipilih mewakili populasi (Chua 2014). Populasi guru-guru daripada tadika swasta yang berdaftar di bawah Bahagian Pendidikan Swasta, KPM dalam kajian ini ialah seramai 929 orang. Dengan merujuk Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970), saiz sampel yang diperlukan adalah sekurang-kurangnya 269. Dengan itu, seramai 269 orang guru tadika swasta di daerah Gombak, Selangor telah dipilih menjadi responden.

Semua responden tersebut telah menyatakan persetujuan untuk terlibat dalam kajian ini. Identiti mereka adalah dilindungi dan maklumat yang diterima hanya digunakan untuk tujuan penyelidikan.

#### INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini menggunakan soal selidik Pengetahuan Kurikulum Prasekolah dalam Kalangan Guru Tadika Swasta yang telah diadaptasi daripada soal selidik Kualiti Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak di Malaysia yang dibangunkan oleh Che Nidzam et al. (2018) untuk kegunaan Subprojek P1/CUR dan Subprojek P3/TLA/LMM: *Determining Contributing Factors of Quality Early Childhood Care and Education*. Penggunaan soal selidik tersebut telah mendapat kebenaran secara bertulis daripada pihak NCDRC. Pengadaptasian pula telah mendapat persetujuan daripada Ketua Penyelidik P1/CUR dan dinilai oleh tiga orang Penyelidik P1/CUR dan empat orang Penyelidik P3/TLA/LMM.

Untuk tujuan kajian ini, soal selidik Kualiti Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak di Malaysia telah dimurnikan bagi memastikan setiap item dalam konstruk yang diukur menepati objektif kajian. Soal selidik ini telah diringkaskan kepada tiga bahagian utama, iaitu: a) Profil Responden, b) Falsafah dan Prinsip Utama, dan c) Kandungan Kurikulum. Beberapa item dalam dua konstruk tersebut juga telah disusun semula dan digantikan dengan istilah yang bersesuaian dengan konteks KSPK. Penggunaan skala Likert 4 poin (1: Sangat Tidak Setuju; 2: Tidak Setuju; 3: Setuju; 4: Sangat Setuju) dan penggunaan dwi-bahasa masih dikekalkan.

Soal selidik ini kemudiannya disemak dan dinilai bersama pakar untuk mendapatkan kesahan dan seterusnya dilakukan kajian rintis bagi mendapatkan kebolehpercayaan. Kedua-dua proses ini bagi memastikan skor dalam instrumen kajian dapat memberi interpretasi data yang sahih (Creswell 2014). Kesahan kandungan dan muka telah dilakukan bersama tiga orang Penyelidik P1/CUR dan empat orang Penyelidik P3/TLA/LMM manakala kebolehpercayaan melibatkan 30 orang guru tadika swasta dari daerah Hulu Selangor yang dipilih secara rawak mudah. Nilai purata Indeks Kesahan Kandungan bagi semua item dalam skala (S-CVI/Ave) ialah 0.907 manakala nilai purata Kappa Ubahsuaian ( $k^*$ ) ialah 0.757. Nilai *Cronbach Alpha* ( $\alpha$ ) pula ialah 0.961. Analisis- analisis tersebut menunjukkan kesahan dan kebolehpercayaan yang sangat baik.

#### KAEDAH ANALISIS DATA

Untuk menguji hipotesis-hipotesis kajian, ujian ANOVA dua-hala telah digunakan. Merujuk Chua (2009), ujian ANOVA dua-hala bukan sahaja dapat melihat kesan utama (*main effect*) setiap dua pemboleh ubah bebas

terhadap satu pemboleh ubah bersandar, malah kesan interaksi (*interaction effect*) iaitu kombinasi antara kedua-dua pemboleh ubah bebas tersebut terhadap satu pemboleh ubah bersandar. Oleh itu, analisis statistik inferensi ini membolehkan pengkaji melihat kesan utama kelayakan ikhtisas, kesan utama tahun pengalaman dan kesan interaksi kedua-dua kelayakan ikhtisas dan tahun pengalaman terhadap pengetahuan kurikulum prasekolah. Saiz kesan pula diukur menggunakan nilai Eta Kuasa Dua ( $\eta^2$ ) dengan merujuk tanda aras yang diberikan oleh Cohen (1998) seperti Kecil ( $\eta^2 \geq 0.01$ ), Sederhana ( $\eta^2 \geq 0.06$ ) dan Besar ( $\eta^2 \geq 0.14$ ). Analisis telah dijalankan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS).

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

## KESAN UTAMA KELAYAKAN IKHTISAS TERHADAP PENGETAHUAN KURIKULUM PRASEKOLAH GURU TADIKA SWASTA

Jadual 1 menunjukkan taburan min pengetahuan kurikulum prasekolah bagi kelayakan ikhtisas dan Jadual 2 menunjukkan keputusan Ujian ANOVA dua-hala antara kelayakan ikhtisas dan tahun pengalaman terhadap pengetahuan kurikulum prasekolah.

Keputusan analisis menunjukkan kesan utama kelayakan ikhtisas adalah signifikan ( $F(2,260)=3.499$ ,  $p<0.05$ ,  $\eta^2=0.025$ ). Meskipun saiz kesan adalah kecil,  $H_{A1}$  adalah diterima dan analisis ini dilanjutkan dengan melakukan perbandingan *Post Hoc* menggunakan ujian *Tukey*.

JADUAL 1. Taburan min pengetahuan kurikulum prasekolah bagi kelayakan ikhtisas.

Kelayakan Ikhtisas	n	M	SP
Tiada	109	3.422	0.372
Sijil PAKK/Perguruan Prasekolah	73	3.379	0.366
Diploma PAKK/Pendidikan Prasekolah dan ke atas	87	3.520	0.389
Jumlah	269	3.442	0.379

JADUAL 2. Keputusan Ujian ANOVA dua-hala antara kelayakan ikhtisas dan tahun pengalaman terhadap pengetahuan kurikulum prasekolah.

Kesan	df	Jumlah Kuasa Dua	Min Kuasa Dua	F	p	$\eta^2$
Kelayakan Ikhtisas	2	0.964	0.482	3.499	0.032*	0.025
Tahun Pengalaman	2	0.075	0.038	0.273	0.761	0.001
Kelayakan Ikhtisas X Tahun Pengalaman	4	1.655	0.414	3.005	0.019*	0.043
Ralat	260	35.813	0.138			
Jumlah	269	3225.433				
Jumlah Diperbetul	268	38.446				

Nota. \*signifikan pada  $p < 0.05$

JADUAL 3. Keputusan ujian *Post Hoc* kelayakan ikhtisas.

Kelayakan Ikhtisas		Perbandingan <i>Tukey</i>		
		Perbezaan M	Ralat	p
Tiada	Sijil PAKK/Perguruan Prasekolah	0.043	0.056	0.724
Sijil PAKK/Perguruan Prasekolah	Diploma PAKK/Pendidikan Prasekolah dan ke atas	0.141*	0.059	0.046
Diploma PAKK/Pendidikan Prasekolah dan ke atas	Tiada	0.098	0.053	0.160

Nota. \*perbezaan min signifikan pada  $p < 0.05$

Keputusan *Post Hoc* seperti dalam Jadual 3 menunjukkan perbezaan skor min pengetahuan kurikulum prasekolah yang signifikan ( $p<0.05$ ) adalah antara kumpulan guru-guru Sijil PAKK/Perguruan Prasekolah ( $M=3.379$ ,  $SP=0.366$ ) dengan kumpulan guru-guru Diploma PAKK/Pendidikan Prasekolah dan ke atas ( $M=3.520$ ,  $SP=0.389$ ). Dengan itu, kesan utama kelayakan ikhtisas yang signifikan secara keseluruhan adalah disebabkan oleh perbezaan min pengetahuan

kurikulum prasekolah antara kumpulan kelayakan ikhtisas Sijil PAKK/Perguruan Prasekolah dengan Diploma PAKK/Pendidikan Prasekolah dan ke atas.

Dapatan ini memberi gambaran bahawa kelayakan ikhtisas memberi kesan yang signifikan terhadap pengetahuan guru mengenai KSPK (Semakan 2017). Guru-guru tadika swasta yang berkelayakan Diploma PAKK/Pendidikan Prasekolah dan ke atas menunjukkan pengetahuan kurikulum prasekolah sedikit lebih baik

berbanding mereka yang berkelayakan Sijil PAKK/Perguruan Prasekolah. Guru-guru berkelayakan Diploma tersebut juga menunjukkan pengetahuan kurikulum prasekolah sedikit lebih baik daripada guru-guru yang Tiada kelayakan ikhtisas ( $M=3.422$ ,  $SP=0.372$ ) meskipun perbezaannya adalah tidak signifikan. Dengan dapatan ini, dapat disimpulkan bahawa guru-guru tadika yang berkelayakan ikhtisas lebih tinggi mempunyai pengetahuan mengenai KSPK (Semakan 2017) yang lebih baik berbanding mereka yang berkelayakan lebih rendah.

Dapatan ini selaras dengan kajian Subdrah dan Sopia (2017) yang menunjukkan terdapat kesan signifikan kelayakan ikhtisas terhadap pemahaman guru prasekolah. Mereka mengesahkan 138 orang guru prasekolah kedua-dua sektor kerajaan dan swasta di Semenanjung Malaysia yang memiliki Diploma PAKK dan ke atas mempunyai pemahaman lebih baik mengenai kurikulum PAKK berbanding 158 mereka yang memiliki kelayakan ikhtisas lebih rendah daripada Diploma. Dapatan ini juga hampir sejajar dengan kajian luar negara oleh Goble et al. (2015) yang dilakukan kepada pelajar-pelajar di Universiti Oklahoma daripada empat tahap persediaan profesional untuk kerjaya guru PAKK seperti *Child Development Associate*, Ijazah Bersekutu PAKK, Ijazah

Sarjana Muda PAKK dan graduan Ijazah Sarjana Muda PAKK. Mereka mendapati pelajar PAKK pada peringkat pengajian yang lebih tinggi mempunyai pengetahuan yang lebih baik mengenai perkembangan kanak-kanak dan perbezaannya adalah signifikan. Justeru, daripada dapatan ini, kelayakan ikhtisas diakui sebagai keperluan bagi guru-guru tadika kerana merupakan penyumbang kepada peningkatan kompetensi pengetahuan.

#### KESAN UTAMA TAHUN PENGALAMAN TERHADAP PENGETAHUAN KURIKULUM PRASEKOLAH GURU TADIKA SWASTA

Merujuk kembali Jadual 2, kesan utama tahun pengalaman adalah tidak signifikan ( $F(2,260)=0.273$ ,  $p>0.05$ ). Keputusan analisis menunjukkan skor min pengetahuan kurikulum prasekolah bagi setiap kumpulan hampir sama seperti dapat dilihat pada Jadual 4 di bawah. Maka dengan keputusan ini,  $H_{A2}$  gagal diterima. Dengan itu, dapatan ini memberitahu bahawa pengetahuan guru-guru tadika swasta mengenai KSPK (Semakan 2017) adalah sama berdasarkan tahun pengalaman mereka. Dapatan ini jelas menepati dakwaan Rice (2010) seperti yang telah dibincangkan pada kajian literatur.

JADUAL 4. Taburan min pengetahuan kurikulum prasekolah bagi tahun pengalaman.

Tahun Pengalaman	n	M	SP
Kurang dari 3 tahun	80	3.414	0.402
3 - 6 tahun	65	3.439	0.372
Lebih dari 6 tahun	124	3.462	0.369
Jumlah	269	3.442	0.379

JADUAL 5. Taburan min pengetahuan kurikulum prasekolah bagi kelayakan ikhtisas dan tahun pengalaman.

Kelayakan Ikhtisas	Tahun Pengalaman	n	M	SP
Tiada	Kurang dari 3 tahun	41	3.339	0.374
	3 - 6 tahun	26	3.346	0.363
	Lebih dari 6 tahun	42	3.550	0.347
	Jumlah	109	3.422	0.372
Sijil PAKK/Perguruan Prasekolah	Kurang dari 3 tahun	15	3.302	0.402
	3 - 6 tahun	20	3.488	0.363
	Lebih dari 6 tahun	38	3.352	0.350
	Jumlah	73	3.379	0.366
Diploma PAKK/Pendidikan Prasekolah dan ke atas	Kurang dari 3 tahun	24	3.611	0.395
	3 - 6 tahun	19	3.514	0.385
	Lebih dari 6 tahun	44	3.473	0.387
	Jumlah	87	3.520	0.389

#### KESAN INTERAKSI KELAYAKAN IKHTISAS DAN TAHUN PENGALAMAN GURU TADIKA SWASTA


Keputusan analisis inferensi yang sama seperti dalam Jadual 2 menunjukkan terdapat kesan interaksi yang signifikan antara kelayakan ikhtisas dan tahun pengalaman terhadap pengetahuan kurikulum prasekolah ( $F(4,260)=3.005$ ,  $p<0.05$ ),  $\eta^2 = 0.043$ . Meskipun saiz kesan ini juga kecil,  $H_{A3}$  diterima dan memberi isyarat bahawa kesan interaksi ini perlu ditafsir dengan teliti berdasarkan nilai min pengetahuan kurikulum prasekolah pada Jadual 5 di bawah dan plot profil seperti Rajah 2.

Merujuk Jadual 5, skor min pengetahuan kurikulum prasekolah bagi kumpulan guru-guru Diploma PAKK/Pendidikan Prasekolah dan ke atas kelihatan semakin menurun bermula daripada pengalaman Kurang dari 3 tahun ( $M=3.611$ ,  $SP=0.395$ ) kepada 3-6 tahun ( $M=3.514$ ,  $SP=0.385$ ) sehingga Lebih dari 6 tahun ( $M=3.473$ ,  $SP=0.387$ ). Sebaliknya, min pengetahuan kurikulum prasekolah bagi kumpulan guru-guru Tiada kelayakan ikhtisas semakin meningkat iaitu Kurang dari 3 tahun ( $M=3.339$ ,  $SP=0.374$ ), 3-6 tahun ( $M=3.346$ ,  $SP=0.363$ ) dan Lebih dari 6 tahun ( $M=3.550$ ,  $SP=0.347$ ).

Penelitian visual terhadap plot profil seperti pada Rajah 2 pula menunjukkan kesan interaksi paling tinggi bagi kumpulan guru-guru Diploma PAKK/Pendidikan Prasekolah dan ke atas berlaku semasa tahun pengalaman mereka Kurang dari 3 tahun,

kemudian kesan interaksi pada tahun berikut menurun secara tidak linear. Kesan interaksi paling tinggi bagi kumpulan guru-guru Tiada kelayakan ikhtisas pula semasa tahun pengalaman mereka Lebih dari 6 tahun mengatasi guru-guru Diploma PAKK/Pendidikan Prasekolah dan ke atas. Bagi kumpulan guru-guru Sijil PAKK/Perguruan Prasekolah, kesan interaksi paling tinggi semasa tahun pengalaman 3-6 tahun, kemudian menurun curam.

Kedua-dua nilai min dan plot profil tersebut memberi interpretasi bahawa kesan interaksi antara kelayakan ikhtisas dan tahun pengalaman terhadap pengetahuan kurikulum prasekolah adalah songsang. Guru-guru yang berkelayakan Diploma PAKK/Pendidikan Prasekolah dan ke atas dengan tahun pengalaman Lebih dari 6 tahun menunjukkan pengetahuan kurikulum prasekolah yang lebih rendah berbanding mereka yang berpengalaman 3-6 tahun dan Kurang 3 tahun. Dalam kes ini, apabila tahun pengalaman guru-guru tersebut meningkat, pengetahuan mereka mengenai KSPK (Semakan 2017) semakin berkurangan. Sebaliknya, guru-guru yang tidak memiliki kelayakan ikhtisas menunjukkan peningkatan pengetahuan kurikulum prasekolah seiring tahun pengalaman mereka sehingga mengatasi guru-guru Diploma PAKK/Pendidikan Prasekolah dan ke atas dengan tahun pengalaman Lebih dari 6 tahun. Walau bagaimanapun, pengetahuan kurikulum prasekolah bagi keseluruhan guru-guru tadika swasta adalah baik kerana berada pada skor min 3-4.



RAJAH 2. Plot profil kesan interaksi antara kelayakan ikhtisas dan tahun pengalaman terhadap pengetahuan kurikulum prasekolah.



Oleh itu, meskipun kesan interaksi antara kelayakan ikhtisas dan tahun pengalaman terhadap pengetahuan kurikulum prasekolah adalah signifikan, kesan ini berlaku secara songsang. Penurunan pengetahuan kurikulum prasekolah yang ditunjukkan oleh guru-guru Diploma PAKK/Pendidikan Prasekolah dan ke atas tidak menepati jangkaan pengkaji iaitu pengetahuan guru mengenai kurikulum prasekolah akan meningkat seiring dengan peningkatan kelayakan ikhtisas dan tahun pengalaman. Namun, peningkatan pengetahuan kurikulum prasekolah ditunjukkan oleh guru-guru yang tidak memiliki kelayakan ikhtisas dalam PAKK/Pendidikan Prasekolah. Dengan itu, rumusan yang boleh dibuat ialah tahun pengalaman sebagai nilai tambah kepada guru-guru tadika swasta yang berkelayakan ikhtisas untuk lebih memahami KSPK (Semakan 2017) semasa tahun awal pengajaran mereka. Bagi guru-guru yang tidak memiliki kelayakan ikhtisas pula, tahun pengalaman membantu mereka mengetahui dan memahami KSPK (Semakan 2017).

Dapatan ini bertentangan dengan kajian Abdul Halim, Nur Ellina dan Nur Arifah (2019) yang mendapati pengetahuan dua orang guru prasekolah yang telah menerima pentauliah cemerlang daripada KPM meningkat secara seiring dengan pengalaman mereka. Kedua-dua guru prasekolah yang ditemui bual tersebut mengatakan pengalaman mengajar selama 10 tahun membantu mereka meningkatkan pengetahuan mengenai kaedah pengajaran yang bersesuaian. Dapatan kajian ini bagaimanapun disokong oleh kenyataan Rice (2010) iaitu kesan pengalaman paling ketara adalah pada tahun awal pengajaran guru, kemudian sedikit demi sedikit berkurangan. Meskipun dapatan ini tidak menepati jangkaan, boleh diperkatakan tahun pengalaman penting kepada guru-guru tadika novis yang memiliki kelayakan ikhtisas untuk lebih memahami KSPK (Semakan 2017) terutama pada tahun awal mereka mengendalikan PdP bersama kanak-kanak. Bagi guru-guru yang tiada kelayakan ikhtisas, tahun pengalaman sangat penting untuk mereka membina pengetahuan dan meningkatkan lagi kefahaman mengenai KSPK (Semakan 2017).

#### KESIMPULAN

Kajian tinjauan ini telah menentukan kesan antara kelayakan ikhtisas dan tahun pengalaman terhadap pengetahuan kurikulum prasekolah dalam kalangan guru-guru tadika daripada sektor swasta di daerah Gombak, Selangor. Hasil analisis secara keseluruhan menunjukkan kelayakan ikhtisas memberi kesan utama yang signifikan, sementara tahun pengalaman bersama kelayakan ikhtisas memberi kesan interaksi signifikan yang songsang terhadap pengetahuan kurikulum prasekolah. Hal ini bermakna kelayakan ikhtisas dapat

memberi kesan secara individu terhadap pengetahuan guru-guru tadika swasta mengenai KSPK (Semakan 2017), manakala tahun pengalaman memerlukan kombinasi kelayakan ikhtisas untuk memberi kesan interaksi meskipun secara songsang. Rumusannya, kelayakan ikhtisas berperanan penting dalam membentuk pengetahuan guru-guru tadika berkaitan KSPK (Semakan 2017) untuk membolehkan mereka merancang dan melaksanakan PdP secara berkesan mengikut standard kurikulum tersebut. Tahun pengalaman turut sama penting kerana sebagai sokongan guru-guru tadika novis yang berkelayakan ikhtisas untuk lebih memahami KSPK (Semakan 2017) semasa tahun awal pengajaran mereka. Implikasinya, tindakan susulan dalam usaha membantu guru-guru tadika swasta khususnya yang berpengalaman sahaja adalah diperlukan untuk mereka mendapatkan kelayakan ikhtisas sehingga Diploma PAKK. Kajian ini bagaimanapun memerlukan sokongan kajian lanjutan yang memfokuskan kompetensi kemahiran. Kajian ini terbatas untuk menghuraikan kesan kelayakan ikhtisas dan tahun pengalaman yang telah diperoleh guru-guru tadika swasta terhadap amalan PdP mereka di dalam kelas. Mengikut Standard Guru Malaysia (SGM) untuk berfungsi sebagai guru profesional, mereka perlu mempunyai secara seiring i) Amalan nilai profesionalisme keguruan, ii) Pengetahuan dan kefahaman, dan iii) Kemahiran PdP (KPM 2009). Oleh itu, kajian ini membuka ruang dan peluang kepada sarjana PAKK/Pendidikan Prasekolah untuk merangka dan melaksanakan kajian mengenai amalan atau kemahiran guru-guru tadika swasta dalam melaksanakan PdP mengikut standard KSPK (Semakan 2017) dan keperluan kanak-kanak menggunakan reka bentuk kajian baharu seperti kaedah kualitatif. Dengan adanya kajian lanjutan seperti dicadangkan, ciri-ciri guru tadika profesional dijangka akan dapat dikenal pasti dengan lebih terperinci dan ditafsir secara subjektif.

#### PENGHARGAAN

Manuskrip artikel ini dihasilkan daripada disertasi sarjana oleh pengkaji pertama yang bertajuk 'Kesan Identiti Profesional terhadap Pengetahuan Kurikulum Prasekolah dalam Kalangan Guru Tadika Swasta'. Penghargaan ikhlas kepada Ketua Penyelidik P1/CUR iaitu Profesor Madya Dr. Abdul Halim bin Masnan kerana telah menjadikan disertasi tersebut sebagai sebahagian Subprojek P1/CUR di bawah NCDRC, UPSI. Ucapan terima kasih juga kepada Para Penyelidik P1/CUR atas bantuan pungutan data, tunjuk ajar dan sokongan moral yang telah diberikan. Tidak lupa jutaan terima kasih kepada pihak tadika swasta seperti pengusaha, penyelia dan guru-guru yang turut serta dalam membantu menayakan kajian ini. Tidak ketinggalan terima kasih juga kepada editor Jurnal Pendidikan Malaysia di atas penilaian, semakan, suntingan terhadap artikel ini sehingga penerbitan.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Masnan & Aznanche Ahmad. 2015. New preschool teachers teaching skills. *Research Journal of Social Sciences* 8(11): 14-19.
- Abdul Halim Masnan, Mazlina Che Mustafa & Hasrul Hosshan. 2017. New preschool teachers and implementation of inclusive classes issues in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 7(10): 644-652.
- Abdul Halim Masnan, Nur Ellina Anthony & Nur Arifah Syahindah Zainudin. 2019. The level of teaching knowledge preschool teachers in Malaysia. *Asia-Pacific Journal of Research* 13(2): 39-48.
- Aliza Ali & Zamri Mahamod. 2015. Analisis keperluan terhadap pengguna sasaran modul pendekatan berasaskan bermain bagi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa kanak-kanak prasekolah. *JuKu: Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik* 3(1): 1-8.
- Arce, E. M. 2013. *Curriculum for Young Children: An Introduction*. 2th ed. Mason, OH, United States: Cengage Learning Inc.
- Bahagian Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018. Data terbuka tadika swasta. [http://www.data.gov.my/data/ms\\_MY/dataset?q=Tadika+swasta](http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset?q=Tadika+swasta)
- Che Nidzam Che Ahmad, Asmayati Yahaya, Sadiyah Baharom, Siti Shamsiah Sani, Hafsa Taha, Rosfizah Md Taib, Saipolbahrin Ramli, Abdul Halim Masnan & Sopia Md Yassin. 2018. Development and validation of teacher perception on Early Childhood Care and Education Curriculum Instrument (ECCECI). *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences* 8(1): 716-727.
- Chua, Y. P. 2009. *Statistik Penyelidikan Lanjutan: Ujian Univariat dan Multivariat*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Sdn. Bhd.
- Chua, Y. P. 2014. *Kaedah Penyelidikan*. Edisi ke-3. Shah Alam: McGraw-Hill Sdn. Bhd.
- Cohen, J. 1988. *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences*. 2nd ed. Hillsdale, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Connor, C. M., Son, S. H., Hindman, A. H. & Morrison, F. J. 2005. Teacher qualifications, classroom practices, family characteristics, and preschool experience: Complex effects on first graders' vocabulary and early reading outcomes. *Journal of School Psychology* 43(4): 343-375.
- Copple, C. & Bredekamp, S. (eds.). 2009. *Developmentally Appropriate Practice in Early Childhood Programs*. 3rd ed. Washington, DC: National Association for the Education of Young Children.
- Creswell, J. W. 2014. *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. 4th ed. Thousand Oaks, California: SAGE Publications, Inc.
- Foong, L., Veloo, P. K., Dhamotharan, M. & Loh, C. 2018. Private sector early child care and education in Malaysia: Workforce readiness for further education. *Kajian Malaysia* 36(1): 127-167.
- Fuad Mohamed Berawi. 2017. *Metodologi Penyelidikan: Panduan Menulis Tesis*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. 2016. *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Goble, C. B., Horm, D. M., Atanasov, A. M., Williamson, A. C. & Choi, J. Y. 2015. Knowledge and beliefs of early childhood education students at different levels of professional preparation. *Journal of Early Childhood Teacher Education* 36(3): 211-231.
- Gordon, A. M. & Browne, K. W. 2013. *Beginning Essentials in Early Childhood Education*. 2nd ed. Belmont, California: Wadsworth-Cengage Learning.
- Jadira C. Joannes Ajuni. 2016. Prasekolah amalan pengajaran berkualiti guru prasekolah. Kertas Kerja Seminar Psikologi Kebangsaan-III 2016. Anjuran Unit Penyelidikan dan Kesihatan Sosial, Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu, 26-27 Mei.
- Jain Chee, Mariani Mad Nor, Abdul Jalil Othman & Nor Mashitah Mohd Radzi. 2017. Understanding the content pedagogical knowledge among preschool teachers and application of developmentally appropriate practices in teaching. *International Journal Of Advanced and Applied Sciences* 4(3): 148-153.
- Jain Chee, Mariani Mad Nor, Nor Mashitah Mohd Radzi, Che' Mah Yusof, Abdullah Kadir & Shahrul Nizam Salim. 2015. The preschool curriculum implementation versus problems. *International Journal of Early Childhood Education and Care* 4(1): 31-42
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2009. *Standard Guru Malaysia*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. KP(BS) 8591/Jld.XVIII (15). 2002. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 15/2002: Pelaksanaan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan, 3 Disember 2002.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2017. *Buku Penerangan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018a. *Laporan Tahunan Program Transformasi Negara 2017: Membangunkan Sistem Pendidikan Holistik dari Peringkat Awal*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018b. *Laporan Tahunan 2017 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30(3): 607-610.
- Lunenberg, M. & Korthagen, F. 2009. Experience, theory and practical wisdom in teaching and teacher education. *Teachers and Teaching: Theory and Practice* 15(2): 225-240.
- Malaysia. 2012. Akta Pendidikan 1996. (Akta 550).
- Mlgo, I. R. 2016. Teachers' perceptions and concerns about the implementation of the 2005 preschool curriculum in Tanzania. *Early Years* 36(4): 353-367.
- Mohamed, A. H. H. & Al-Qaryouti, I. A. 2016. The association between preschool teachers' beliefs and practices about developmentally appropriate practices. *Early Child Development and Care* 186(12): 1972-1982.
- Organisation for Economic Co-operation and Development. 2012. *Quality Matters in Early Childhood Education Care: Finland*. Paris Cedex, France: OECD Publishing.

- Rice, J. K. 2010. *The Impact of Teacher Experience: Examining the Evidence and Policy Implications*. Brief no. 11. Washington, DC: National Center for Analysis of Longitudinal Data in Education Research.
- Shulman, L. S. 1987. Knowledge and teaching: Foundations of the new reform. *Harvard Educational Review* 57(1): 1-23.
- Sofiah Mohamed & Kamarul Azmi Jasmi. 2016. Pengetahuan guru pendidikan Islam prasekolah dalam rangka pembangunan tamadun ummah. *Sains Humanika* 8(3-2): 21-28
- Subadrah Madhawa Nair & Sopia Md Yassin. 2017. Do preschool teachers' professional qualifications play a role in enhancing their understanding of ECCE training? *International Journal of Asian Social Science* 7(9): 754-763.
- Tee, Y. Q., & Mariani Mad Nor. 2018. Exploring issues on teaching and learning in Malaysian private preschools. *Malaysian Online Journal of Educational Management (MOJEM)* 6(2): 67-82.
- Ting, M. L. 2018. Discourses of quality ECCE in Malaysia: A critical analysis. Master's Dissertation, Faculty of Culture and Society, School of Education, Auckland University of Technology.
- Tours, S. B. 2017. Kindergarten teachers' developmentally appropriate beliefs and practice. Doctoral Dissertation, The Florida State University.
- Yahya Don, Yaakob Daud, Mohd Izham Ghazali & Zuraidah Juliana Mohamad Yusoff. 2015. *Kompetensi Emosi dan Kualiti Guru: Pendidikan Prasekolah di Malaysia*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Yong, M., Khadijah Daud & Anuar Abd. Rahman. 2015. Competence of preservice preschool teachers at teacher education institute of Malaysia. *International Journal for Innovation Education and Research* 3(5): 46-57.

Muhammad Haziq Mohd Sharif  
 Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak  
 Fakulti Pembangunan Manusia  
 Universiti Pendidikan Sultan Idris  
 Emel: haziqsharifsuhaila@gmail.com

Abdul Halim Masnan  
 Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak  
 Fakulti Pembangunan Manusia  
 Universiti Pendidikan Sultan Idris  
 Emel: abdul.halim@fpm.upsi.edu.my

\*Penulis untuk surat-menyurat, emel: haziqsharifsuhaila@gmail.com

Diserahkan: 28 Julai 2020  
 Dinilai: 30 Oktober 2020  
 Diterima: 15 November 2020  
 Diterbitkan: 30 November 2020